

## Kesedaran *Netiquette* Murid dalam Interaksi Media Sosial

Muhammad Khairulrijal Mohamad Saad<sup>1</sup>, Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid<sup>2</sup> & Noor Afiah Md Ariff<sup>3</sup>  
<sup>1,2,3</sup>Universiti Sains Malaysia

### Article Info

**Received:**  
16 February 2020

**Accepted:**  
28 March 2020

**Publish**  
06 April 2020

**E-mail adress:**

\*corresponding Author :  
\*muhammadkhairulrijal@gmail.com  
r\_adawiah@usm.my  
kheirez@yahoo.com

e-ISSN 2682-759X

### Abstrak

*Teknologi dalam pendidikan tidak dapat dipisahkan. Hal ini kerana, era globalisasi kini murid telah ditandai dengan kepesatan ICT (Information and Comunication Technology) ataupun teknologi maklumat. Penggunaan internet di dalam teknologi menjadi salah satu media baharu untuk memudahkan urusan seharian murid pada masa kini. Justeru, penggunaan teknologi tanpa etika (netiquette) sebenarnya akan memberi kesan yang buruk kepada murid. Penggunaan teknologi kepada murid ini lebih menjurus kepada aplikasi media sosial. Namun begitu, tahap kesedaran netiquette murid menyebabkan cabaran kepada murid untuk membuat pertimbangan moral semasa interaksi dengan media sosial. Perkara ini merujuk kepada tahap kesedaran netiquette yang merupakan asas kepada pertambahan pengetahuan yang mendorong perubahan sikap dan berterusan kepada perubahan amalan tingkah laku murid dalam interaksi terhadap media sosial. Oleh itu, Kertas konsep ini dapat memberi penjelasan terhadap cabaran murid berdepan dengan media sosial yang memerlukan kesedaran terhadap pengetahuan, sikap dan amalan yang sepatutnya terhadap netiquette. Kesedaran tersebut akan membentuk perubahan dan cara penghakiman murid atas sebab kemajuan dalam tahap kesedaran yang dimiliki.*

**Keyword:** ICT, netiquette, pertimbangan moral, kesedaran, media sosial

### Pengenalan

Kesedaran merupakan asas kepada pertambahan pengetahuan yang akan mendorong kepada perubahan sikap dan berterusan terhadap perubahan amalan tingkah laku manusia (Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013). Manakala Kollmuss dan Agyeman (2002) telah menjelaskan bahawa kesedaran merupakan kesempurnaan antara aspek pengetahuan, sikap dan amalan terhadap seseorang untuk memelihara sesuatu perkara. James Muleme et al, (2017) pula menyatakan

kesedaran merupakan satu yang dirancang dan dilaksanakan dengan terdapat satu hubungan linear antara pengetahuan, sikap dan amalan seseorang. Kollmuss dan Agymen (2002) juga menjelaskan perkaitan kesedaran yang berlaku akibat daripada daya kekuasaan kognitif manusia yang mampu mengubah daya afektif tersebut. Perkara ini menunjukkan kognitif mampu memandu pemikiran seseorang dalam memahami nilai-nilai teras dalam memandu arah apa yang betul dalam penghayatan dari segi akhlak dan moral (Baharom, Ali & Za'aba, 2008; Weber, 2007).

Menurut Chan & Rodziah (2012) dan Azizi et al, (2005), Kesedaran yang terhasil dari proses kognitif membentuk daya emosi sendiri dalam mengawal tingkah laku terhadap sesuatu situasi apabila berlaku penyatuan maklumat dengan menerima sesuatu maklumat luaran kepada maklumat baru. Manakala menurut Nor Faizah & Muhamad Faisal (2018) pula, proses kesedaran dapat membentuk perubahan sikap kerana penerimaan maklumat yang unit daripada sesuatu informasi terhadap daya kognitif seseorang. Dalam hal ini, kesedaran yang tinggi juga mampu membentuk seseorang yang lebih beretika dalam sikap seseorang, kerana kebolehan seseorang mengaplikasikan akal dari kebijaksanaan yang diperolehi untuk membentuk perubahan sikap dan juga tingkah laku (Nor Aziah & Abdul Manaf, 2015; Thomos, 2013). Justeru, proses kesedaran ini berlaku dalam kognitif seseorang untuk menerima maklumat baru dan membuat tapisan terhadap pemilihan dan perbandingan supaya dapat menghasilkan satu pengetahuan baru untuk perubahan tingkah laku dan sifat seseorang.

Namun begitu berdepan dengan pembangunan negara yang mementingkan aspek sains, teknologi dan modal insan, aspek kesedaran berkaitan netiquette haruslah dititikberatkan. Hal kerana, penekanan terhadap teknologi dalam pembangunan negara akan memberi kesan kewujudan pembangunan lestari dan seimbang (Shahrulanuar & Fakhrul, 2011). Bahkan menurut Che Su & Nan Zakiah (2014) dan Muhammad Adnan et al, (2017), kurangnya kesedaran terhadap teknologi akan memberi kesan kerugian yang besar dan juga mewujudkan jurang generasi yang akan memberi konflik terhadap aspek komunikasi teknologi tersebut. Kepentingan kesedaran netiquette ini perlu diberi perhatian oleh pendidikan di Malaysia kerana murid seringkali berinteraksi menggunakan media sosial (Mohd Azul et al, 2017). Malahan Che su dan Nan Zakiah (2014) menjelaskan bahawa murid tidak mempunyai tahap kesedaran dalam pengawalan diri sehingga menyebabkan ketagihan dalam melayari media sosial sehingga menghabiskan masa selama sembilan sehingga 14 jam kerana kurangnya tahap kesedaran tersebut. Justeru itu berdepan dengan masalah kesedaran dalam penggunaan teknologi, Kementerian Pendidikan perlulah memberi penekanan kepada kurikulum pendidikan yang berorientasikan etika dalam teknologi yang dikenali sebagai *netiquette* (Martina, 2019).

Menurut Arouri dan Hamaidi (2017), murid pada masa kini mengalami masalah terhadap kefahaman dan kurang melaksanakan *netiquette* semasa penggunaan internet. Bahkan Rulli (2014) menjelaskan *netiquette* perlu diterapkan dalam diri murid apabila mereka berkomunikasi semasa melayari dunia siber dengan aspek etika mahupun nilai yang sesuai. Kehidupan pada zaman sekarang tidak dapat dipisahkan dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang merupakan media baharu untuk memudahkan segala urusan manusia (Amini, 2012; Arouri & Hamaidi, 2017). Murid juga terdedah dengan perubahan yang besar dalam diri mereka kerana pembangunan aplikasi di dalam talian seperti penyebaran maklumat (Mohd Azul et al, 2016). Namun begitu, cara penggunaan yang beretika mampu memberi kelebihan kepada murid apabila menggunakan teknologi seperti teknologi Web.20 yang menyediakan platform penting kepada pengguna kepada aplikasi media sosial untuk berkomunikasi antara satu sama lain dalam dunia maya.

## **Kesedaran (KAP) *Netiquette***

Kesedaran merupakan satu hubungan linear hubungan antara pengetahuan, sikap dan amalan (James Muleme et al, 2017). Konsep pengetahuan, sikap dan amalan akan diteliti dengan lebih mendalam.

### **Pengetahuan**

Dalam hal ini, Rahim dan Asnarulkhadi (2010) menjelaskan bahawa individu yang mempunyai pengetahuan akan mempercayai setiap apa yang dilakukan kerana turut mempunyai pemahaman dan sedar tentang sesuatu keadaan mahupun isu di dalam kehidupan mereka. Proses ini menunjukkan hubungan pengetahuan dan amalan mampu menyebabkan sikap seseorang menjadi lebih positif kerana mengikut pengetahuan yang dimiliki (Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013). Justeru terdapat proses kompleks yang dilalui dalam tingkah laku dan amalan seseorang yang dipengaruhi oleh banyak aspek kehidupan seperti ilmu pendidikan, pengalaman, dan pengaruh agen sosialisasi yang lain.

Karen Rav, Thomas dan Sam (2016) berpendapat, pengetahuan secara langsung mempengaruhi sikap dan amalan yang positif malah Lincoln dan Holmes (2011) juga bersetuju bahawa kesedaran pengetahuan merujuk kepada keupayaan kognitif untuk mengubah keputusan terhadap sikap yang bermoral dalam diri seseorang. Tambah pula, menurut Greenwald et al, (2002) aspek psikologi pengetahuan dapat mengubah sikap seseorang daripada negatif kepada yang positif. Bahkan pengetahuan akan mengerakkan manusia dalam membentuk sikap ke arah kebaikan sejagat (Baharom, Ali & Za'aba, 2008) kerana pengetahuan dan kesedaran mementingkan aspek keselamatan individu, keluarga dan negara (Mohd Azul & Nurul Madiha, 2017). Oleh itu, kesedaran yang disemai dalam diri seseorang mampu membuat perubahan sikap negatif dengan menolak anasir sikap negatif dalam kehidupan. Justeru itu, kesedaran dalam diri seseorang dapat diukur dan dinilai melalui pengetahuan yang dimiliki untuk membentuk perubahan sikap dan kesan terhadap amalan seseorang dalam kehidupan.

Pengetahuan merupakan elemen penting dalam aspek kesedaran. Menurut Chandrashekar dan Seby J (2014), pengetahuan merupakan asas kepada sifat sensitiviti (sikap) dalam amalan harian seseorang individu untuk memanfaatkannya. Perkara ini dipersetujui oleh Badran (1995) dengan menyatakan pengetahuan adalah pengekalan, pengambilalihan dan juga penggunaan maklumat itu digunakan. Pengetahuan juga berlaku melalui proses pemahaman dan pengalaman perasaan seseorang (Karen Rav, Thomas & Sam, 2016) dan merupakan asas kepada tingkah laku (Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013). Secara tuntasnya, sifat bijak dan intelektual dalam pendidikan mampu meningkatkan motivasi untuk pengetahuan seseorang dan dapat membantu seseorang untuk berjaya (Rawwas et al, 2013). Analoginya di sini, pengetahuan merupakan membantu seseorang bertindak laku daripada sistem maklumat yang telah disimpan dan digunakan dalam apa jua situasi masalah yang berlaku.

Kognitif merupakan komponen penting dalam mempengaruhi pengetahuan terhadap sesuatu maklumat ataupun isu (Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013). Hal ini kerana blok-blok pemikiran manusia dibina daripada faktor kognitif atas pengetahuan seseorang (Fishbein & Ajzen, 1975). Perkara ini membolehkan komponen kognitif dapat memberi impak terhadap tingkah laku bertindak mengikut kesesuaian masa dan keadaan akibat daripada tindak balas perasaan terhadap sesuatu isu yang diterimanya (Olson & Zanna, 1993). Justeru itu, komponen kognitif memainkan peranan penting terhadap pengetahuan untuk seseorang bertindak dalam apa jua situasi dan teras utama terhadap penentuan sikap dan amalan.

Pengetahuan juga merupakan elemen penting kepada seseorang manusia untuk mengatasi dilema yang berlaku dalam diri dan semakin tinggi maklumat dalam pengetahuan diperoleh dapat mengatasi dilema yang lebih besar (Marijana, 2006). Perkara ini menunjukkan pengetahuan juga dibentuk oleh dua pertembungan fikiran yang berlaku perselisihan yang terbentuk daripada pemikiran aktif yang disalurkan oleh maklumat daripada pengetahuan (Mohd Sukri, 2017). Ianya merupakan gambaran pengetahuan untuk mengatasi isu (Antonio, 2015) yang harus ditangani dengan fungsi dan tujuan pengetahuan dalam menyediakan panduan terbaik bagi membuat penilaian (Davenport & Prusak, 1998) dalam sesuatu isu ataupun fenomena yang berlaku. Penerimaan pengetahuan ini memerlukan interaksi dan komunikasi (Arouri & Hamaidi, 2017) termasuk kepercayaan masyarakat terhadap pengetahuan (Muleme et al, 2017). Jelaslah bahawa, pengetahuan juga merupakan hasil pemikiran aktif dalam dua pertembungan fikiran untuk menyelesaikan dilema yang berlaku melalui pandangan terhadap persetujuan dan perselisihan.

Selain itu, pengetahuan juga dapat dipindahkan daripada kefahaman teori kepada praktikal (Hsueh et al, 2018) malah dapat dipertingkatkan dalam satu tempoh masa tertentu (Schunk, 2012). Ianya juga menunjukkan pengetahuan dapat membantu seseorang dalam membuat keputusan berdasarkan daya fikir (Rui Wang et al, 2015) manusia dalam membuat perubahan tingkah laku. Pengetahuan yang bertambah memberi implikasi kepada perubahan sikap yang lebih ketara (Valente et al, 1998; Mahadevan, 2009). Justeru itu, hubungan linear antara pengetahuan dengan sikap dan amalan tidak dapat dipisahkan (Muleme, 2017) kerana komponen yang memberi pengaruh besar terhadap sikap dan amalan adalah kognitif seseorang yang dipenuhi dengan pengetahuan berkaitan sesuatu maklumat.

Oleh yang demikian, pengetahuan merupakan kesedaran penting dalam proses kognitif untuk membuat sesuatu tindakan dalam persetujuan daripada hasil maklumat yang telah disimpan dalam daya fikir seseorang. Pengetahuan yang diperoleh dapat mengubah sikap dan amalan dalam apa jua fenomena ataupun situasi yang berlaku dalam diri berlandaskan persetujuan yang telah difikirkan terlebih dahulu daripada maklumat yang diterima.

## **Sikap**

Menurut Han Fan et al. (2014), sikap merupakan pertimbangan persepsi terhadap sesuatu situasi berlandaskan niat. Manakala menurut Fiesbien dan Ajzen (1975), sikap merupakan kecenderungan seseorang bertindak secara konsisten apabila berdepan dengan sebarang situasi. Hal ini menjelaskan bahawa kecenderungan dikaitkan dengan pengetahuan yang diperoleh seseorang disalurkan dalam bentuk perwatakan tindakan (Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013) individu tersebut. Justeru itu sikap dapat mencerminkan cara seseorang tersebut berfikir dan bertindak balas terhadap daya mental secara psikologinya. Hal ini kerana, tindakan yang berlaku hasil daripada tindak balas psikologi terhadap perasaan seseorang apabila faktor kognitif bertindak secara paksaan ataupun kehendak sendiri (Mahadevan, 2009).

Perkara ini menunjukkan sikap boleh bertindak balas dan berubah apabila pengetahuan seseorang semakin bertambah (Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013) dalam apa jua faktor meskipun melalui kaedah media massa apabila seseorang memberikan sepenuh perhatian untuk melihat sesuatu supaya dapat memperolehi maklumat (Mahadevan, 2009) dan membentuk sikap tersebut. Hal ini kerana hubungan korelasi antara pengetahuan dan sikap (Mohd Sukri, 2017) membolehkan seseorang membuat penilaian berserta hasrat dalam membentuk sikap dan amalan (Han Fan et al. 2014). Seiring dengan pendapat Nor Faizah dan Muhamad Faisal (2018) perubahan sikap seseorang adalah disebabkan beberapa motif utama, antaranya ialah

pengetahuan melalui interaksi dengan pengajaran dan pembelajaran. Tuntasnya melalui hubungan linear antara pengetahuan dan sikap dapat membentuk satu korelasi penting kepada seseorang apabila maklumat pengetahuan yang diperolehi dapat memberi impak yang besar terhadap sikap individu tersebut ke arah yang bermoral ataupun tidak.

Oleh yang demikian, hubungan linear antara pengetahuan dan sikap dan mencorakkan amalan dalam diri seseorang. Hal ini kerana, pengetahuan menjadi nadi utama mendorong kepada perubahan sikap melalui maklumat yang telah diterima (Muleme, 2017). Justeru itu, apabila penerimaan pengetahuan yang semakin bertambah akan memberi impak besar kepada sikap yang lebih bermoral dan juga memberi kesan terhadap amalan seseorang tersebut (Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013; Kollmuss & Agymen, 2002). Justeru itu, sikap boleh dirancang dan dilaksanakan kerana terdapatnya hubungan linear dan korelasi antara pengetahuan dan amalan (Muleme, 2017) dalam diri seseorang. Jelaslah bahawa, sikap mempunyai kepentingan dalam diri individu untuk membuat pilihan dan persetujuan daripada maklumat pengetahuan malah menyebabkan perubahan kepada aspek amalan atau tingkah laku seseorang.

## **Amalan**

Menurut Chandrashekar dan Seby J (2014), amalan merupakan elemen kesedaran yang berhubung kait dengan pengetahuan. Perkara ini juga menunjukkan, pengetahuan, sikap dan amalan berada dalam satu hubungan yang bersangkut paut antara satu sama lain dan mewujudkan tahap kesedaran seseorang (James Muleme et al, 2017; Karen Rav, Thomas & Sam, 2016; Rui Wang, 2015; Chandrashekar & Seby J, 2014: ), dalam apa jua situasi atau fenomena. Hal ini kerana, amalan berkecenderungan dapat meningkat apabila pertambahan ilmu pengetahuan (Hsueh et al, 2018) dalam diri seseorang dan motivasi amalan akan menurun jika pengetahuan dalam diri tidak mencukupi (James Muleme, 2017) untuk menghadapi sesuatu situasi dan fenomena. Hubung kait antara pengetahuan, sikap dan amalan juga disebut sebagai blok bangunan (*building block*) keupayaan (Rahim & Asnarulkhadi, 2010) seseorang individu. Jelaslah bahawa amalan merupakan satu perkara yang mempunyai kekuatan dan hubungan korelasi antara pengetahuan dan sikap seseorang dalam membentuk kesedaran yang tinggi.

Selain itu, amalan juga dapat dijelaskan sebagai tingkah laku ataupun tindakan untuk mengelakkan sesuatu situasi mahupun fenomena (Noornajihan, 2014). Hal ini kerana, apabila meningkatkan kefahaman pengetahuan mengenai sesuatu isu ataupun fenomena, perubahan sikap akan berlaku untuk membuat penyingkiran terhadap tanggapan mengenai isu dan di terjemahkan dalam bentuk tingkah laku (amalan) pencegahan (Karen Rav, Thomas & Sam, 2016). Perkara ini menjelaskan bahawa amalan berlaku apabila sikap positif dibina daripada pengetahuan yang tinggi (Chandrashekar & Seby J, 2014) dan lebih mengetahui masalah terhadap sesuatu situasi (Muhammad Atiullah, Idriaty & Ibrahim, 2014; Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013; Rahim & Asnarulkhadi, 2010). Sikap yang positif juga dapat dilihat pada tingkah laku ataupun amalan dalam sesuatu isu atau fenomena. Justeru itu, dengan adanya keazaman dalam melakukan sesuatu perkara yang bermoral ataupun positif dapat ditetapkan melalui pengetahuan dalam membentuk sikap sebelum dizahirkan pada amalan.

Menyedari pentingnya amalan dalam diri seseorang, kewajipan dalam mendalami pengetahuan adalah sangat penting (Nurzaimah, Ezarina & Haris, 2015) dalam memahami dan mendalami sepenuhnya ilmu tersebut sebagai satu maklumat kepada pembentukan sikap dan seterusnya terhadap amalan (Kaliyaperumal, 2004) seseorang. Akses pengetahuan yang meluas memberikan perubahan terhadap sesuatu amalan gaya hidup yang tidak positif sebelum ini dengan meletakkan kepentingan prioriti pemikiran seseorang (Mohamad Hafifi et al, 2017). Perkara ini seiring dengan pendapat Kaliyaperumal (2004) yang menjelaskan bahawa proses

kesedaran terhasil daripada pengetahuan dan sikap yang telah mempengaruhi amalan terhadap tindakan bermoral. Jelaslah bahawa, sesuatu amalan yang dibawa oleh seseorang individu adalah disebabkan oleh penambahan pengetahuan yang memberi impak besar terhadap perubahan sikap dan juga amalan dalam apa jua isu dan fenomena.

## Netiquette dan Murid

*Netiquette* merupakan gabungan rangkai kata antara 'Network' (internet/talian) dengan 'etiquette'(etika)( Scheuermann & Taylor, 1997; Arouri & Hamaidi, 2017). Ini menjelaskan bahawa istilah *netiquette* ini termasuk kepada dua faktor di antara internet dan etika (Aggarwal, 2014). Perkara ini menjelaskan bahawa etika membawa maksud peraturan untuk menunjukkan cara yang betul dan bersopan dalam setiap perlakuan manakala internet boleh diterjemahkan sebagai sistem yang menghubungkan komputer di seluruh dunia (Merriam-Webster's Learning Dictionary, 2016). *Netiquette* juga dianggap sebagai etika elektronik (Brusco, 2011) ataupun etika komunikasi digital yang boleh ditakrifkan sebagai etika yang bersesuaian dengan tingkah laku ataupun amalan apabila berkomunikasi melalui rangkaian komputer atau ruang maya (Yarmohammadian, Irvani & Abzari, 2012). Dengan kata lain, *netiquette* adalah satu kaedah yang sesuai untuk berkomunikasi menggunakan peranti atau dalam apa jua aktiviti dalam talian dengan menggunakan elektronik (Brusco, 2011) dan harus dipatuhi (Scheuermann & Taylor, 1997). Secara ringkasnya, *netiquette* berasal daripada dua konsep penting iaitu etika dan internet untuk membentuk peraturan, konvensyen dan etika yang perlu dimuridi, difahami dan diamalkan oleh semua pengguna peranti elektronik.

Pada masa kini, amalan *netiquette* amat penting pada golongan murid yang perlu mengalami dinamik kompleks komunikasi dalam talian ini (Arouri & Hamaidi, 2017). Hal ini menjelaskan bahawa *netiquette* ialah berkaitan dengan tingkah laku pengguna dalam talian dengan menggunakan peraturan dan etika tertentu dalam setiap aktiviti dalam talian yang berlaku (Ellen & Monica, 2010; Arouri & Hamaidi, 2017). Perkara ini menjelaskan komuniti internet telah membenarkan orang berinteraksi antara satu sama lain dalam pelbagai cara seperti mesej, rangkaian sosial, teks dan pelbagai lagi (Sadiku, Nelatury & Musa, 2017). Di samping itu, *netiquette* juga menjadi satu sumber sah untuk menggalakkan pengguna lebih hormat dan sensitif terhadap budaya yang diperlukan untuk mengelakkan kenyataan yang bersifat diskriminatif, memfitnah atau menghina secara mendalam (Florence Martin et al, 2018). Justeru itu, pelaksanaan *netiquette* adalah salah satu cara mendidik pengguna apabila melayari internet dengan etika yang bermoral untuk kepentingan sejagat.

Konsep *netiquette* merangkumi nilai moral dan etika yang digunakan oleh orang ramai dalam dunia dalam talian maya kerana konsep *netiquette* merupakan konsep yang luas di mana ruang siber mempunyai kepercayaan dan terpisah daripada dunia fizikal sebenar (Kumazaki et al, 2011). Hal ini dipersetujui oleh Johnston dan Johal (1999) bahawa kod *netiquette* yang boleh dikongsi oleh semua dalam menjelaskan apa yang ada, apa yang boleh, bagaimana merasai, apa yang perlu dilakukan dan bagaimanakah untuk mengetahui sesuatu yang tidak beretika di dalam internet. Justeru itu etika internet (*netiquette*) haruslah dijadikan rujukan penting dalam memastikan perlakuan yang boleh diterima secara sosial semasa menggunakan internet (Sadiku, Nelatury & Musa, 2017). Sebagai contohnya, seseorang pengguna dalam talian harus mengetahui kod *netiquette* tertentu kerana setiap laman web ataupun interaksi dalam talian seperti media sosial memerlukan *netiquette* tertentu (Florence Martin et al, 2018). Jelaslah bahawa kod *netiquette* perlu diberi pendedahan kepada pengguna dalam memastikan pengguna mengetahui etika sebenarnya dalam menggunakan internet.

*Netiquette* juga memutuskan kriteria moral dengan persoalan apa, apa yang diperoleh, bagaimana merasai, apa yang perlu dilakukan dan bagaimana hendak melakukan sesuatu yang tidak beretika di internet (Freestone & Mitchell, 2004). Kumazaki et al. (2011) mengaitkan *netiquette* dengan sifat kesedaran yang tinggi dapat menjadikan pengguna internet dengan cara hidup yang baik dalam masyarakat. Oleh itu, sebahagian besar sifat kesedaran seseorang berkaitan dengan konteks budaya dan apa yang dianggap boleh diterima oleh masyarakat berkaitan tingkah laku yang bersesuaian (Sadiku, Nelatury & Musa, 2017). Sadiku, Nelatury dan Musa, (2017) juga menjelaskan peraturan budaya internet akan memberi kelebihan kepada pengguna internet untuk menghormati pengguna antara satu sama lain sebagai medium sosial yang berkesan. Kesedaran yang kurang dalam pengetahuan tentang *netiquette* menyebabkan pengguna dalam talian tidak mengetahui peraturan dalam membimbing mereka untuk berkelakuan dan berkomunikasi mengikut *netiquette* sebenar (Brown, 2014). Dalam kajian ini, tahap kesedaran memainkan peranan penting terhadap responden dalam mengetahui dimanakah tahap kesedaran murid dalam mengetahui tentang *netiquette*.

Dalam interaksi interpersonal dalam dunia maya, pelbagai pengaruh gaya interaksi yang tidak normal tidak boleh diabaikan kerana ramai pengguna tidak mempraktikkan *netiquette* (Jocelyne Vincent, 2008) dalam diri mereka. Hal ini kerana *netiquette* ini adalah untuk menjadikan seseorang pengguna lebih profesional dalam menggunakan internet (Sadiku, Nelatury & Musa, 2017). Selain itu, apabila internet menjadi medium global, *netiquette* haruslah dijadikan budaya untuk mengelakkan salah faham dalam kalangan pengguna. Sebagai contoh, etika dalam menghantar e-mel berbeza daripada etika untuk pengguna dalam menggunakan peranti mudah alih ataupun etiket dalam penggunaan telefon (Sadiku, Nelatury & Musa, 2017). Perkara ini haruslah diberi informasi pengetahuan yang memadai tentang *netiquette* dalam pemahaman berkaitan perundangan menggunakan internet sebenarnya (Ranny, 2016; Arouri & Hamaidi, 2017).

Kajian lepas juga menunjukkan murid-murid pada masa kini menggunakan aplikasi dalam talian iaitu media sosial seperti Facebook dan MySpace tetapi mereka kurang mengetahui dan mengamalkan *netiquette* semasa di dalam talian tersebut (West, 2010). Perkara ini boleh menyebabkan proses interaksi yang negatif (Arouri & Hamaidi, 2017) apabila mesej yang disampaikan boleh disalahertikan kandungan dan juga nada penyampaian (Deepa & Ghayak, 2013). Hal ini kerana kurangnya pelaksanaan *netiquette* dalam kalangan murid untuk mengamalkan amalan *netiquette* (Arouri & Hamaidi, 2017). Kesedaran *netiquette* yang tinggi dapat mewujudkan pengguna dalam membina komuniti interaksi dalam talian yang lebih kuat antara satu sama lain (Canada, 2000). Kepentingan ini dapat memberi kesan yang mendalam kepada wacana yang lebih reflektif dan mewujudkan suasana yang lebih bermotivasi untuk menghormati pengguna lain (Watkins, 2005). Justeru itu, keperluan kajian ini untuk melaksanakan kesedaran pengetahuan, sikap dan amalan *netiquette* adalah penting agar kualiti interaksi di dalam talian akan lebih positif dan kurang mendatangkan masalah pada murid.

## Media Sosial dan Murid

Media sosial merupakan aplikasi daripada internet yang telah dijanakan melalui teknologi Web 2.0 ataupun Web 3.0 (Kaplan & Haenlein, 2010) malah istilah media sosial adalah daripada gabungan dua perkataan iaitu sosiologi dan teknologi (Nik Mohd Firdaus, Farahwahida & Nurshuhadak, 2014). Media sosial juga merupakan agen komunikasi digital yang penting kepada pengguna untuk berkongsi maklumat, mencari maklumat, berinteraksi, berkomunikasi, bersosial dan menghantar mesej dengan kadar segera (Khusnul & Mohd. Helmi, 2017; Leonard, 2016; Basilisco & Jin, 2015; Radlick, 2014; Ezumah, 2013). Hal ini kerana, media sosial juga merupakan medium penting yang amat disenangi pengguna dalam pelbagai urusan (Hudson et

al. 2015). Selain itu, Siti Ezaleila (2013) menjelaskan media sosial merupakan gabungan tiga elemen penting iaitu antara teknologi, perkongsian maklumat dan perbualan. Jelaslah bahawa takrifan media sosial ini dapat disimpulkan sebagai satu medium penggunaan yang melibatkan internet berasaskan web serta teknologi dan diterjemahkan dalam bentuk yang lebih interaktif.

Selain itu media sosial merupakan bahagian penting di dalam kehidupan manusia kerana ianya menggalakkan hubungan dan saling kebergantungan dunia yang pelbagai budaya (Rebecca, 2011). Hal ini kerana media sosial telah menyebabkan terbentuknya pengguna sebagai penerbit dan pengkritik (Georgetown University, 2010), kerana di dalam media sosial, pengguna berpeluang untuk menyatakan pandangan mereka kepada orang ramai malah boleh turut berbual di dalam media sosial maya yang sama. Namun, pengurusan penggunaan media masa dalam memastikan seseorang boleh membuat pertimbangan sewajarnya perlu diberi perhatian dalam kajian (Goel, Mason & Watt, 2010). Hal ini juga dipersetujui oleh Hwanseok et al, (2017) dan Tanis & Postmes (2003) menyatakan banyak penyelidikan dilakukan terhadap media sosial dalam mengetahui bagaimana pengguna membentuk dan menguruskan pemikiran mereka apabila berinteraksi dengan media sosial.

Namun begitu penggunaan media sosial juga mendatangkan risiko kepada pengguna terutamanya kehidupan remaja (Florence Martin et al, 2018). Penggunaan media sosial memerlukan pengguna menganalisis pertimbangan kolektif (Lukasik et al. 2016). Hal ini kerana, kemampuan media sosial menyediakan maklumat tanpa adanya sempadan dengan kepelbagaian kandungan memberi pengaruh dalam kehidupan masyarakat pada masa kini (Siti Ezaleila, 2013). Hal ini menunjukkan media sosial itu memberi satu dampak negatif kepada pengguna kerana kurangnya pengetahuan tentang etika dan perundangan sebenar dalam penggunaan sebarang teknologi (Ranny, 2016). Perkara ini dipersetujui oleh Siti Ezaleila (2016) di mana pengguna media sosial sentiasa akan membuat keputusan semasa berinteraksi dalam alam maya. Jelaslah pertimbangan dan keputusan akan dilakukan oleh murid apabila berinteraksi dengan media sosial dan akan menentukan dimanakah tahap kesedaran pengetahuan, amalan dan sikap murid tersebut terhadap media sosial. Perkara ini memberi kesan mendalam kepada pilihan perlakuan murid dalam interaksi tersebut.


Pengguna media sosial haruslah mempunyai etika apabila sewaktu dalam talian (Nurul Madiha & Mohd Azul, 2015). Perkara ini dipersetujui oleh kajian yang dilakukan oleh Che Su & Nan Zakiah (2014) apabila kajian dilakukan terhadap media sosial akan membentuk satu polisi dan garis panduan sepatutnya kepada pengguna media tersebut dengan lebih teliti. Hal ini juga berpunca daripada kurangnya kesedaran dan pengetahuan pengguna media sosial terhadap keselamatan Mohd Azul et al, (2017) semasa berinteraksi dalam dunia maya. Oleh itu pemantauan yang berterusan adalah perlu (KKM, 2016) agar memberi faedah yang baik kepada pengguna (Amini, 2012) dalam apa jua aspek media pada masa kini. Oleh itu, menurut Azul et al (2017), etika penggunaan media harus diberi pendedahan oleh pihak sekolah kepada murid agar membentuk tahap kesedaran kepada murid. Pentingnya etika media kepada murid dan pengguna agar mereka dapat mengetahui apa yang sepatutnya boleh dilakukan semasa berinteraksi dengan media sosial dalam menentukan baik buruk sesuatu pertimbangan yang akan ditentukan oleh mereka.

## **Model Kesedaran (KAP)**

Kajian pertama yang menggunakan model KAP pada tahun 1950 telah dilaksanakan oleh kerajaan India terhadap masyarakat dalam perancangan keluarga untuk mengkaji program kebajikan kekeluargaan dalam mengetahui tahap pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat negara tersebut (John, 2006). Hal ini disokong oleh (Karen, Thomos & Sam, 2016) menyatakan



bahawa kajian KAP yang bermula pada tahun 1950-an dan digunakan secara meluas selepas tahun 1960 dan tinjauan KAP digunakan banyak negara untuk menyelidik amalan perancangan keluarga. Ini kerana, kajian-kajian KAP lebih afektif dan menjimatkan sumber-sumber dan merupakan salah satu kaedah penyelidikan sosial kerana lebih berfokus (Eckman & Walker, 2008). Meskipun rangka kerja penyelidikan KAP telah banyak digunakan di dalam bidang pendidikan kesihatan Jaccard, Dittus, & Gordon, (1996) tetapi turut juga digunakan dalam bidang sains sosial untuk mengukur tahap pengetahuan, sikap dan amalan dalam sesebuah masyarakat (Harpreet et.al., 2014). Rajah 1 di bawah menunjukkan model KAP.



Rajah 1 : Model KAP James Muleme et al., (2017)

Menurut James Muleme et al. (2017) menyatakan bahawa rangka kerja konsep KAP dalam Rajah 1 telah dieksploitasi berdasarkan hubungan linear yang diandaikan antara pengetahuan, sikap dan amalan. Kekurangan dalam aspek pengetahuan yang dinilai adalah sebagai fungsi kesedaran ataupun kebiasaan aspek yang berkaitan dengan sebarang aspek diandaikan dapat mempengaruhi motivasi untuk mengaudit diri terhadap apa jua aspek. Model KAP James Muleme et al. (2017) juga menggunakan data kuantitatif dan kualitatif dalam penyelidikannya dalam memastikan hubungan linear antara KAP dan mengenal pasti faktor-faktor tertentu yang menjejaskan hubungan antara KAP. Di samping itu, KAP juga menggabungkan alat analisis yang telah digunakan untuk membangunkan rangka kerja dalam mengintegrasikan data kuantitatif dan kualitatif untuk kajian KAP.

Pemilihan model KAP James Muleme et al. 2017 kerana model tersebut merupakan model kajian sosio-budaya dalam sesebuah masyarakat dalam memahami tahap pengetahuan, sikap dan amalan dalam sesuatu kelompok manusia (Annika, 2009). Perkara ini bersesuaian dengan kajian untuk mengkaji tahap kesedaran KAP *netiquette* murid dalam interaksi dengan media sosial. Pembentukan asas model iaitu pengetahuan, sikap dan amalan merupakan aspek penting yang perlu di dalam oleh setiap murid dalam membuat pertimbangan moral murid dalam interaksi dengan media sosial. Perkara ini disokong oleh Kaliyaperumal et.al. (2004) yang menyatakan bahawa setiap amalan dan juga tingkah laku adalah satu cara seseorang untuk menunjukkan tahap pengetahuan mereka dalam tindakan.

### Cadangan Metodologi Kajian

Cadangan bagi sampel kajian secara kuantitatif ini adalah seramai 382 murid yang diperlukan di negeri tersebut untuk dijadikan sampel kajian berbanding dengan keseluruhan populasi murid di negeri tersebut iaitu sebanyak 95, 517 orang murid Sekolah Menengah Kebangsaan. Pemilihan sampel kajian kuantitatif ini atas rujukkan Krejcie dan Morgan (1970) menyatakan bahawa sampel bagi seramai 75 000 orang ke atas ialah 382 orang mewakili. Justeru, seramai 382 orang murid akan dipilih sebagai sampel kajian kuantitatif untuk terlibat dalam kajian ini dengan

peratus keyakinan kajian ialah 95% dan margin kesilapan hanya 5.0% mengikut rujukan jadual 1 di bawah dan cadangan Krejcie dan Morgan (1970) dalam mendapatkan keputusan generalisasi yang baik. Saiz sampel yang lebih besar daripada rumus awal lebih baik kerana penyelidik dapat memilih ciri-ciri populasi dan mengurangkan ralat terhadap sampel yang tidak terpilih (Wan Norina et al, 2013). Jadual menunjukkan peratusan sampel bagi setiap daerah.

Jadual 1

*Peratusan Murid Mengikut Daerah di Pulau Pinang*

<b>Jenis Sekolah</b>	<b>Jumlah murid</b>	<b>Peratusan %</b>
Seberang Perai Selatan	12 113	13
Seberang Perai Tengah	25 042	26
Seberang Perai Utara	22 649	24
Barat Daya	7 741	8
Timur Laut	27 966	29
<b>Jumlah</b>	<b>95 517</b>	<b>100</b>

Mengikut cadangan pemilihan sampel kuantitatif berdasarkan secara rawak berstrata mengikut daerah sekitar Pulau Pinang. Pemilihan sampel juga mengikut peratusan daerah daripada jumlah keseluruhan murid sekitar Pulau Pinang. Peratusan tinggi adalah daerah Timur Laut iaitu 29 % dengan seramai 27,966 orang murid manakala, Seberang Perai Tengah dengan 26 % dengan jumlah murid seramai 25,042 orang murid. Seterusnya, Seberang Perai Utara 24 % dengan jumlah murid 22,649 orang manakala, Seberang Perai Selatan 13 % dengan 12,113 orang murid di daerah tersebut. Daerah paling sedikit murid ialah daerah Barat Daya dengan 8 % dan jumlah murid hanya 7,741 orang murid. Pemilihan sekolah terhadap sampel akan dipecahkan mengikut daerah sekitar Pulau Pinang mengikut peratusan bilangan murid agar sampel yang dipilih mewakili populasi sebenar di dalam negeri seperti di dalam jadual 2 di bawah berikut.

Jadual 2

*Sampel Kajian Mengikut Daerah Pulau Pinang*

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Peratusan %</b>	<b>Bil. Sampel</b>
<b>1.</b>	Seberang Perai Selatan	13	50
<b>2.</b>	Seberang Perai Tengah	26	99
<b>3.</b>	Seberang Perai Utara	24	92
<b>4.</b>	Barat Daya	8	31
<b>5.</b>	Timur Laut	29	110
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>	<b>382</b>

Namun begitu pemilihan sampel bagi setiap sekolah dalam daerah adalah mengikut rawak mudah. Penyelidik akan mencabut nama sekolah secara rawak mengikut daerah masing-masing. Seramai 65 sampel atau kurang daripada jumlah tersebut diperlukan bagi setiap sekolah yang terpilih. Oleh itu, jadual 3 di bawah menunjukkan nama sekolah dan anggaran bilangan sampel yang diperlukan mengikut daerah di Pulau Pinang.

**Jadual Error! No text of specified style in document.***Bilangan sampel mengikut daerah di Pulau Pinang*

<b>Jenis Sekolah</b>	<b>Sampel</b>	<b>Jum.Bil Sampel</b>
Timur Laut		
SMK A	55	
SMK B	55	110
Barat Daya		

SMK C Seberang Perai Utara	31	31
SMK D	46	
SMK F Seberang Perai Tengah	46	92
SMK G	49	
SMK H Seberang Perai Selatan	50	99
SMK I	25	
SMK J	25	50
<b>Jumlah</b>		<b>382</b>

### **Instrumen Kesedaran (Pengetahuan, Sikap dan Amalan) KAP *Netiquette***

Instrumen kajian amat penting untuk digunakan atas dasar tujuan dan kaedah mengumpulkan data kajian yang dijalankan (Creswell & Plano, 2007). Di dalam kajian ini, cadangan bagi pengumpulan data soal selidik kesedaran (pengetahuan, sikap dan amalan) berkaitan *netiquette* akan digunakan setelah dilakukan modifikasi soal selidik sedia ada dan dimuatkan dengan elemen-elemen *netiquette* iaitu etika dan juga teknologi bagi kajian ini.

Kajian kesedaran (*Awareness KAP*) berkaitan pengetahuan, sikap dan amalan akan digunakan dalam kajian ini. Hal ini kerana, soal selidik KAP merupakan satu kaji selidik yang diwakili oleh penduduk tertentu dalam mengumpul maklumat tentang apa yang diketahui, dipercayai dan dilakukan berkaitan topik tertentu (WHO, 2008). KAP juga dapat mengumpulkan maklumat mengenai apa yang diketahui, difikirkan dan dilakukan oleh responden mengenai sesuatu topik berkaitan sumber maklumat utama mereka, malahan juga dapat mengetahui jurang pengetahuan, tingkah laku dengan bantuan media sebagai maklumat untuk merancang advokasi yang berkesan (Edema Ojomo, 2011) dalam sesuatu program.

Seiring dengan itu, dalam pengumpulan data kuantitatif, jenis instrumen soal selidik kesedaran ini akan digunakan berdasarkan modifikasi instrumen soal selidik sedia ada. Modifikasi yang dilakukan berdasarkan soal selidik Model KAP Ong Choon Kim (1999) dan Mohd Sukri (2017) iaitu singkatan kepada '*Knowledge-Attitude-Practise/Behaviour*' iaitu pengetahuan, sikap dan amalan (Mahmud & Siarap, 2013). Soal selidik yang akan dijalankan untuk menguji elemen-elemen persoalan tentang kesedaran *netiquette* dan proses pertimbangan moral yang akan dimuatkan bagi tujuan tinjauan kajian tersebut. Berdasarkan model KAP, penambahan pengetahuan tentang *netiquette* pada seseorang akan mendorong kepada perubahan sikap positif atau negatif ketika membuat pertimbangan moral dalam interaksi dengan media sosial. Di samping itu model KAP ini juga mengenal pasti kesedaran amalan semasa proses pertimbangan moral tersebut dalam interaksi dengan media sosial.

Menurut Nor Kalsum (2016) menyatakan bahawa pengetahuan merupakan aspek asas dalam pembentukan sikap dan tingkah laku (amalan) seseorang kerana pengetahuan dapat ditingkatkan dalam pelbagai cara seperti menghadiri program ceramah, kelas dan dari kepelbagaian media yang bersifat ilmiah manakala sikap terbina dari pengetahuan dan perubahan sikap turut akan membawa perubahan dalam tingkah laku. Justeru dalam mengetahui tahap kesedaran *netiquette* murid, struktur pembahagian soal selidik Kesedaran (KAP) telah dimodifikasikan daripada kajian Chandrashekar & Seby (2014) dan Mohd Shukri (2017) mengikut kesesuaian aspek etika dan teknologi dalam kalangan murid di Malaysia.

Cadangan dalam kajian ini, soal selidik Kesedaran Pengetahuan, Sikap dan amalan telah diubah suai untuk *netiquette* mempunyai 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D dengan 50 soalan digabungkan. Soalan-soalan dipisahkan mengikut bahagian masing-masing supaya pernyataan soal selidik lebih tersusun dan seragam mengikut ketetapan dalam ujian KAP yang bermula dengan persoalan pengetahuan, sikap dan amalan.

## Kesimpulan

Pada era globalisasi kini, teknologi dan media sosial memainkan peranan penting terhadap pengaruh perubahan hidup terhadap masyarakat. Meskipun banyak kebaikan penggunaan teknologi dalam kehidupan namun masih ada impak negatif terhadap pengguna. Hal ini kerana, tahap kesedaran yang rendah terhadap etika teknologi iaitu *netiquette* telah meletakkan murid pada kedudukan yang berbahaya. Pelbagai masalah yang mungkin timbul apabila murid tidak tahu etika dan peraturan yang sepatutnya menjadi rujukan semasa menggunakan aplikasi media sosial untuk berkomunikasi. Perkara ini berlaku akibat tidak ada peraturan yang nyata ditetapkan yang disebut sebagai *netiquette* semasa murid menggunakan media sosial untuk membimbing mereka (Brown, 2014). Menurut Florence et al (2018), murid perlu mempunyai pengetahuan terhadap *netiquette* agar mereka dapat berinteraksi dalam media sosial dan mengetahui apa yang sepatutnya dilakukan supaya tidak berlaku masalah seperti berkongsi maklumat tidak melalui sumber yang betul.

Berdasarkan kajian lepas didapati bahawa kajian yang dijalankan adalah terhad tentang kesedaran pengetahuan, sikap dan amalan berkaitan kesihatan dan alam sekitar. Namun begitu ada kajian yang menyentuh kesedaran berkaitan pendidikan namun hanya mengambil sampel guru sebagai responden kajian. Manakala kajian kesedaran berkaitan media sosial masih terhad dan kajian yang telah dilakukan hanya menyentuh aspek kesedaran berkaitan multimedia dan keselamatan siber. Tambahan pula kajian yang dilakukan di Malaysia masih terhad dan berfokus kepada kesedaran aspek kesihatan. Kajian-kajian yang dilaksanakan di seluruh Malaysia berkaitan dengan kesedaran pengetahuan, sikap dan amalan adalah seperti kajian oleh Mohd Hilmi dan Kamaliah (2013) melaksanakan kajian kempen H1N1. Manakala kajian Nor Kalsum (2016) melaksanakan kajian berkaitan kampus lestari dan Mohd Zuhair (2015) adalah kajian kesedaran teknologi hijau. Di samping itu, kajian oleh Siti Ruhani (2016) dijalankan untuk mengetahui kesedaran terhadap pemeraksanaan ekonomi manakala kajian oleh Muhammad Adnan (2018) kajian kesedaran dan amalan keselamatan siber.

## Rujukan

- Aggarwal, A.K. (2014). *Netiquette in e-learning*. Proceedings for the Northeast Region Decision Sciences Institute (NENDSI), 181-182.
- Amini Amir, A. (2012). Etika digital dan berinternet menurut perspektif Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam* 25, 55-82.
- Annika Launiala. (2009). *How much can a KAP survey tell us about people's knowledge, attitudes and practices?* Some observations from medical anthropology research on malaria in pregnancy in Malawi, *Anthropology Matters Journal*, 11(1), 1-13.
- Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya & Fawziah Yahaya. (2005). *Teori-Teori Kognitif in: Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan*. PTS Publication, Pahang.
- Badran IG. (1995). Knowledge, attitude and practice the three pillars of excellence and wisdom: A place in the medical profession. *Eastern Mediterranean Health Journal*. 1(1),8-16.

- Baharom Mohamad, Ali Suradin & Za'aba Helmi Khamisan. (2008, Oktober). Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Basilisco, R. & Jin, C.K. (2015). Uses and Gratification Motivation for Using Facebook and the Impact of Facebook Usage on Social Capital and Life Satisfaction among Filipino Users. *International Journal of Software Engineering and Its Applications*. 9(4), 191-194.
- Brown, S.A. (2014). Conceptualizing digital literacies and digital ethics for sustainability education. *International Journal of sustainability in Higher Education*, 15(3), 280-290.
- Brusco, J.M. (2011). Know your netiquette. *AORN Journal*. 94(3), 279-286. DOI: doi/abs/10.1016/j.aorn.2011.07.003
- Canada, M. (2000). Students as seekers in online courses. dalam, R.E. Weiss, D.S. Knowlton, & B.W. Speck (Eds.), *Principles of effective teaching in the online classroom*, 75(84), 35-40. Francisco: Jossey-Bass. DOI: 10.1002/tl.845
- Chan Siok Gim & Rodziah Mohamad Nor. (2012). Kecerdasan Emosi dan Hubungannya Dengan Perilaku dan Prestasi Akademik Pelajar Sekolah Menengah di Bachok Kelantan. *Akademika*, 82(2), 109-118.
- Chandrashekar, J., & Seby, J.G. (2014). Knowledge, attitudes and practices related to healthcare ethics among medical and dental postgraduate students in south India. *Indian Journal of Medical Ethics*. 11(2), 99-104. DOI:10.20529/IJME.2014.025
- Che Su & Nan Zakiah. (2014). Persepsi dan Penggunaan Media Sosial dari Perspektif Ibu Bapa: Satu Analisis Kualitatif. *Malaysian Journal of Communication*, 30,43-74
- Creswell, J.W., & Plano Clark, V. (2007). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks, CA. Sage.
- Davenport, T.H., & prusak, L. (1998). *Working Knowledge: How organizations manage what they know*. Harvard Business School Press, Boston.
- Deepa, S., & Ghatak, S. (2013). Netiquette: Exploratory studet of actual usage and agreed upon norms in India. *Scholors Word-IRMJCR*, 1(3), 129-136.
- Eckman, K. & Walker, R. (2008). Knowledge and Practise (KAP) Survey Summary Report for the Duluth Lakeside Stormwater Reduction Project. Water Resources Center, University of Minnesota.
- Edema Ojomo. (2011). Climate Change Adaption Preparedness in Developing Countries: A Study of 21 Countries and Knowledge, Attitudes, and Practices Studies in Akwa Ibom and Lagos States in Nigeria. *Tesis Sarjana yang Tidak Diterbitkan*. University of North Carolina.
- Ellen, J.H., & Monica, T.W. (2010). Netiquette within married couples: Agreement about acceptable online behavior and surveillance between partners. *Computers in Human Behavior*. 26, 916-926. DOI: :10.1016/j.chb.2010.02.006
- Ezumah, B. A. (2013). College Students' Use of Social Media : Site Preferences, Uses and Gratifications Theory Revisited. *International Journal of Business and Social Science*. 4(5), 27-34.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, attitude, intention and behavior: An introduction to theory and research*. Reading, MA: Addison Wesley.
- Florence Martin, Chuang Wang, Teresa Petty, Weichao Wang & Patti Wilkins. (2018). Middle school student's social media use. *Educational Technology & Society*, 21(1), 213-224.
- Freestone, O., & Mitchell, V.-W. (2004). Generation Y Attitudes Towards E-ethics and Internet-related Misbehaviours. *Journal of Business Ethics*. 54, 121-128.

- Georgetown University. (2010). Bridging Babel: New Social Media and Interreligious and Intercultural Understanding. *Berkley Center Undergraduate Fellows Report*, Georgetown University.
- Goel, S., Mason, W., & Watts, D.J. (2010). Real and perceived attitude agreement in social networks. *Journal of Personality and Social Psychology*, 99, 611-621.
- Greenwald, A.G., Banaji, M.R., Rudman, L.A., Farnham, S.D., Nosek, B.A., & Mellott, D.S. (2002). A unified theory of implicit attitude, stereotypes, self-esteem, and self-concept. *Psychological Review*, 109, 3-25.
- Han Fan, Y., Woodbine, G., & Scully, G. (2014). Guanxi, a two-edged sword! How Australian accounting professionals view the process within a moral framework. *Managerial Auditing Journal*, 29(8), 695-716
- Harpreet Kaur, Parveen Mohan, Nayana Pathak, Apurv Manocha, Aayushi. (2014). Knowledge, Attitude, Practices and Behavior of Women towards Contraceptive Use - A Study of Women Attending North Indian Rural Hospital. *Indian Journal of Obstetrics and Gynecology Research*, 1(1), 25-30
- Hsueh, H.P., Li, F.W., Yu, C.H., & Kwua, Y.W. (2018). Long-term effectiveness of two educational methods on knowledge, attitude, and practice toward palliative care consultation services among nursing staff: A longitudinal follow-up study. *Clinical Nursing Research*, 27(4), 483-496. DOI/pdf/10.1177/1054773817692082
- Hudson, S., Huang, L., Roth, M.S., & Madden, T.J. (2015). The influence of social media interactions on consumer-brand relationships: A three-country study of brand perceptions and marketing behaviors. *International Journal of Research in Marketing*, 14, 1-3.
- Hwanseok, S., Jonathon, P.S., Poppy, L.M., Rhiannon, L.C., & Janis, L. D. (2017). Group norm violations in an online environmental social network: Effects on impression formation and intergroup judgments. *Group Processes & Intergroup Relations*, 1-16. DOI .org/10.1177/1368430217733118
- Jaccard, J., Dittus, P.J., & Gordon, V.V. (1996). Maternal Correlates of Adolescent Sexual and Contraceptive Behavior. *Family Planning Perspectives*, 28(4), 159-165+185.
- James, M., Clovice, K., John, C.S., Stella, M., & Adrian, M. (2017). A framework for integrating qualitative and quantitative data in knowledge, attitude, and practice studies: A case study of pesticide usage in Eastern Uganda. *Frontiers in Public Health*, 5:318. doi: 10.3389/fpubh.2017.00318
- John Mao. (2006). Knowledge, Attitude and Practice of Family Planning: A Study of Tezu Village, Manipur India. *The Internet Journal of Biological Anthropology*, 1(1), 1-6. digapai pada 16 April 2018 di <https://print.ispub.com/api/0/ispub-article/3999>.
- Johnston, K., & P.Johal. (1999). The internet as a Virtual Cultural Region: Are Extant Cultural Classification Schemes Appropriate?, *Internet Research: Electronic Networking Applications and Policy*. 9(3), 178-186.
- Kaliyaperumal, K., I.E.C, Expect, & Diabetic Retinopathy Project. (2004). Guideline for conducting a knowledge, attitude and practice (KAP) study. *AECS Illumination*, 4(1), 7-9.
- Kaplan, A.M. & M. Haenlein. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media. *Business Horizons*, 53, 59-68.
- Karen Rav-Marathe, Thomas T.H. Wan, & Sam Marathe. (2016). A systematic review in the KAP-O Framework for diabetes education and research. *Medical Research Archives*, 4(1), 1-21.

- Khusnul Hanafi & Mohd. Helmi, A. R., (2017). Penggunaan Media Sosial dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Terbentuknya Gerakan Sosial oleh Pemimpin Pelajar Universiti di Bandar Pekan Baru, Riau, Indonesia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(2), 087-101.
- Kollmuss, A., & Agymen, J. (2002). Mind the gap: why do people act environmentally and what are the barriers to pro-environmental behaviour?. *Environmental Education Research*. 8(3), 239-260.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30, 607-610.
- Kumazaki, A., Suzuki, K., Katsura, R., Sakamoto, A., & Kashibuchi, M. (2011). The Effects of Netiquette and ICT Skills on School-bullying and Cyber-bullying: The Two-wave Panel Study of Japanese Elementary, Secondary, and High School Students. *Procedia- Social and Behavioral Sciences*. 29. 735-741.
- Larry Scheuermann & Gary Taylor. (1997). Netiquette. *Internet Research*, 4, 269-273
- Leonard, A.P.S. (2016). Penggunaan Media Sosial Sebagai Eksistensi Diri (Studi Deskriptif Kualitatif Penggunaan Media Sosial Untuk Eksistensi Diri Pada Mahasiswa Fisip UNS Tahun Ajaran 2015/2016). Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universitas Sebelas Maret, Surakarta, Indonesia
- Lincoln, S.H., & Holmes, E.K. (2011). Ethical decision making: a process influenced by moral intensity. *Journal of Healthcare, Science and the humanities*, 1(1), 55-69.
- Mahadevan Krishnan. (2009). Knowledge, Attitude and Willingness to Adopt Environmentally Responsible Behaviours: A Survey Among Students of Universiti Sains Malaysia. *Tesis sarjana yang tidak diterbitkan*, Universiti Sains Malaysia.
- Mahmud, M.H., & Siarap, K.H. (2013). Kempen pencegahan H1N1: Kajian tentang pengetahuan, sikap dan amalan penduduk di Timur Laut Pulau Pinang. *Journal Komunikasi*, 29(1), 127-140.
- Marijana, H. (2005). Current research on moral education and development in Europe. *Journal of Moral Education*, 35(1), 129-136.
- Martina Drazenovic. (May, 2014). Elementary school students using Facebook: A case study of Croatian elementary school. In Josip Jelacic. *37<sup>th</sup> International Convention on Information and Communication Technology, Electronics and Microelectronics (MIPRO)*. Opatija, Croatia.
- Merriam-Webster's Learning Dictionary. (2016). Etiquette. Diambil pada 19 Desember 2018 dari: <http://www.learnersdictionary.com/definition/etiquette>.
- Michal Lukasik, Srijith, P.K., Duy Vu, Kalina, B., Akaitz, Z., & Trevor, C. (2016). Hawkes processes for continuous time sequence classification: An application to rumour stance classification in Twitter. *Dalam Proceedings of 54<sup>th</sup> Annual Meeting of the Association for Computational Linguistics*. Association for Computational Linguistics, 393-398.
- Mohamad Hafifi, J., Nurzali, I., & Darshan, S. (2017). Kempen Kesedaran Kesihatan Awam: Satu tinjauan literatur dari sudut penggunaan media dan komunikasi di Malaysia. *Malaysian Journal Of Communication*, 33(3), 1-20.
- Mohd Azul, M.S., Ali Salman, Mohd Nor, S.A., & Hasrul Hashim (2016). The importance of usability features in enhancing online communication satisfaction. *Malaysian Journal of communication*, 32(2), 1-15
- Mohd Azul, M.S., Mohd Yusof, H.A., Ali Salman & Ahmad Sauffiyan, A.B. (2017). Kesedaran dan pengetahuan terhadap keselamatan dan privasi melalui media sosial dalam kalangan belia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1-15.

- Mohd Hilmi, M. & Kamaliah, H.S. (2013). Kempen pencegahan H1N1: Kajian tentang pengetahuan, sikap, dan amalan pendudukan di Timur Laut Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 127-140.
- Mohd Sukri, S. (2017). Kesedaran guru terhadap ICT hijau di sekolah dalam pembentukan budaya yang lestari. *Tesis PHD yang tidak diterbitkan*. Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Adnan, P., Siti Zobidah, O., Jusang Bolong & Akmar Hayati, A.G. (2017). Analisis keselamatan siber dari perspektif persekitaran sosial: Kajian terhadap pengguna internet di Lembah Klang. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(2), 16-29.
- Muhammad Atiullah, Indriaty, I., & Ibrahim, A.B.(2014). Kehendak Manusia: Justifikasi dan Pengkategorian Berdasarkan Tanggungjawab. *Islammiyyat*, 36(1), 57-62.
- Nik Mohd Firdaus, N.Z.A., Farahwahida, M.Y., & Nurshuhadak, H. (2014). Aplikasi Iphone : ANtara teknologi maklumat dan komunikasi, media sosial dan sebaran dakwah. *Sains Humanika*, 2(1), 41-53
- Noornajihan, J. (2014). Efikasi Kendiri: Perbandingan Antara Islam dan Barat. *Global Journal of Al Thaqafah*. 4(2)89-98.
- Nor Aziah, A.R., & Abdul Manaf, B. (2015). Penilaian tahap kesedaran, keberkesanan dan pematuhan terhadap peraturan penggunaan komputer: Kajian kes di Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Intelek*, 6(2), 158-167.
- Nor Faizah Ismail & Muhamad Faisal Ashaari. (2018). Komunikasi dakwah dalam interaksi menerusi WhatsApp. *Fikiran Masyarakat*, 6(1), 33-39.
- Nor Kalsum, M.I. (2016). Pengetahuan, sikap dan tingkah laku pelajar UPSI terhadap prinsip-prinsip kampus lestari. *Jurnal Perspektif*, 8(1),29-41.
- Nurul Madiha & Mohd Azrul. (2015). Isu Privasi dan Keselamatan dalam Kalangan Pengguna Aplikasi Media Sosial. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(2),2003-216.
- Nurzaimah Asalal, Ezarina Zakaria & Haris Abd Wahab. (2015). Tahap pengetahuan pelajar terhadap intervensi kerja sosial sekolah dalam menangani masalah sosial pelajar. *Jurnal Sarjana*, 28(2), 109-130.
- Olson, J.M., & Zanna, M.P. (1993). Attitudes and attitude changes. *Annual Review of Psychology*, 44, 117-154.
- Radlick, M. (2014). Why Hispanics Use Facebook and Twitter: A Uses and Gratifications Approach. *Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan*, American University.
- Rahim, M.S., & Asnarulkhadi, A.S.(2010). Community development through community capacity building: A social science perspective. *Journal of American Science*. 6(2), 68-76.
- Ranny Rastati. (2016). Bentuk Perundangan Siber di Media Sosial dan Pencegahannya bagi Korban dan Pelaku. *Jurnal Sosioteknologi*. 15(2), 169-186.
- Rawwas, M.Y.A., Arjoon, S., & Sidani, Y.(2013). An introduction of epistemology to business ethics: a study of marketing middle-managers. *Journal of Business Ethics*. 117(3), 525-539.
- Rui Wang, Yingying, Y., Renjie, C., Haidong, K., Jinyi, W., & Keran, W.(2015). Knowledge, attitudes, and practices (KAP) of the relationship between air pollution and children's
- Rulli Nasrullah, M.Si. (2016). *Teori dan Riset Media Siber (cybermedia)*.Indonesia: Prenamedia Group.
- Sadiku, M.N.O., Nelatury, S.R., & Musa, S.M. (2017). Internet Etiquette. *Journal of Scientific and Engineering Research*. 4(4), 51-42.



- Sawyer, Rebecca. (2011). The Impact of New Social Media on Intercultural Adaption. Senior Honors Projects, Paper 242, University of Rhode Island. <http://digitalcommons.uri.edu/srhonorsprog/242>
- Schunk, D.H. (2012). Learning theories: An educational perspective. Boston, MA: Pearson
- Shahrulanuar, Ab. Aziz & Fakhru Adabi. (2011). Pembangunan etika dan moral dalam kursus-kursus yang ditawarkan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM). *Journal of Human Capital Development*, 4(1), 1985-7012
- Siti Ezaleila Mustafa. (2013). Media Sosial di Malaysia dan Indonesia: Penggunaannya Sebagai Alat Komunikasi dan Jaringan Digital. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 15(2)71-85.
- Tanis, M., & Postmes, T. (2003). Social cues and impression formation in CMC. *Journal of Communication*, 53, 676-693.
- Thomos Metzinger. (2013). Spirituality and Intellectual Honesty: An Essay. ISBN: 978-3-00-041539-5. / DOI: 10.978.300/0415395 dicapai pada 16 Disember 2018 di laman [https://www.blogs.uni-mainz.de/fb05philosophie/files/2014/04/TheorPhilMetzinger\\_SIR\\_2013\\_English.pdf](https://www.blogs.uni-mainz.de/fb05philosophie/files/2014/04/TheorPhilMetzinger_SIR_2013_English.pdf)
- Valente, T., Paredes, P., & Poppe, P. (1998). Matching the message to the process: The relative ordering of knowledge, attitudes, and practises in behavior change research, *Human Communication Research*, 24(3), 366-385.
- Vincent, J. (2008). Netiquette Rules OK!... OK?: speculating on rhetorical cleansing and English Linguistic and cultural imperialism through email netiquette style guides.
- Wan Norina, W.H., Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin, Mohamed Yusoff & Ahmad Arifin, S. (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 17-27
- Watkins, C. (2005). Classrooms as learning communities: A riview of research. *London Review of Education*, 3(1), 47-64. DOI: 10.1080/14748460500036276
- Weber, J.A. (2007). Business Ethics Training; Insights From Learning Theory. *Journal of Business Ethics*, 70(1), 61-85.
- West, R. (2010). A student's guide to strengthening an online community. *TechTrends: Linking Research & Practice to improve Learning*. 54(5), 69-75.
- WHO.(2008). Advocacy, communication and social mobilization for TB control: a guide to developing knowledge, attitude and practice surveys. Geneva, Switzerland: WHO Press.
- Y.M. Arouri & D.A. Hamaidi. (2017). Undergraduate student's perspectives of the extent of parcatcing netiquettes in a Jordanian Southern University. *International Journal Of Emerging Technologies in Learning*, 12(3), 84-97
- Yarmohammadian, M.H., Irvani, H., & Abzari, M. (2012). Information and communications technology, culture, and medical universities; organizational culture and netiquette among academic staff. *Journal of Education and Health Promotion*. 1, 1-6. DOI: 10.4103/2277-9531.94414